RISALAH ZIKIR SETELAH SOLAT

Oleh: Mohd Safwan bin Rusydi

Amalan zikir setelah solat fardhu pada hari ini sering kita lihat ia dilakukan secara berjemaah iaitu ia dibaca secara serentak oleh imam dan para makmum. Terkadang ia dibaca oleh imam dengan menggunakan alat pembesar suara. Akan tetapi, adakah tatacara zikir seperti ini memenuhi tuntutan atau cara Rasulullah s.a.w? Mari kita bersama-sama menilai semula amalan tersebut berdasarkan Al-Quran dan juga As-Sunnah yang Rasulullah telah janjikan kita tidak akan sesat selagi berpegang dengan keduanya.

Tuntutan untuk berzikir secara perlahan

Berdoa adalah satu ibadat yang amat dituntut sebagaimana firman Allah yang bermaksud: Dan Tuhanmu berfirman: **"Berdoalah kepada-Ku, niscaya akan Kuperkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam Keadaan hina dina".** [*surah al-Mu'min, ayat 60*]

Tatacara berzikir telah diterangkan di dalam al-Quran. Perhatikan ayat-ayat berikut dibawah:

وَاذْكُر رَّبَّكَ فِي نَفْسِكَ تَضَرُّعًا وَخِيفَةً وَدُونَ الْجَهْرِ مِنَ الْقَوْلِ بِالْغُدُوِّ وَالْآصَالِ
وَلَا تَكُن مِّنَ الْغَافِلِينَ ﴿٢٠٥﴾

Dan sebutlah serta ingatlah akan Tuhanmu dalam hatimu, dengan merendah diri serta dengan perasaan takut, dan tidak pula menyaringkan suara, pada waktu pagi dan petang. Dan janganlah engkau menjadi dari orang yang lalai. [*Surah al-A'raaf, ayat 205*]

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً ۚ إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas. [*Surah al-A'raaf, ayat 55*]

قُلِ ادْعُوا اللَّهَ أَوِ ادْعُوا الرَّحْمَٰنَ ۖ أَيًّا مَّا تَدْعُوا فَلَهُ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ ۚ وَلَا تَجْهَرْ
بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتْ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَٰلِكَ سَبِيلًا ﴿١١٠﴾

Katakanlah: "Serulah Allah atau serulah Ar-Rahman. dengan nama yang mana saja kamu seru, Dia mempunyai Al asmaaul husna (nama-nama yang terbaik) dan janganlah kamu mengeraskan suaramu dalam shalatmu dan janganlah pula merendahkannya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu". [*Surah al-Israa', ayat 110*]

"Wahai manusia! Kasihanilah diri kamu! Kerana bukanlah kamu menyeru kepada yang pekak lagi jauh. Sesungguhnya kamu (sedang) menyeru kepada Dzat Maha Mendengar lagi dekat bersama kamu".

Demikian cara yang digariskan kepada kita iaitu zikir tersebut adalah dengan cara perlahan tanpa dikeraskan. Dalam satu hadis Daripada Abu Musa al-Anshari radiallahu anhu berkata: **"Kami pernah bersama-sama Nabi sallallahu 'alaihi wasallam di dalam satu ekspedisi apabila ada beberapa orang yang menyebut 'Allahu Akbar' dengan suara yang kuat. Mendengar itu, Nabi sallallahu 'alaihi wasallam menegur mereka dengan berkata: "Wahai manusia! Kasihanilah diri kamu! Kerana bukanlah kamu menyeru kepada yang pekak lagi jauh. Sesungguhnya kamu (sedang) menyeru kepada Dzat Maha Mendengar lagi dekat bersama kamu"**. [*Hadis Riwayat Muslim no: 2704*]

Walaubagaimana pun terdapat satu hadis yang sering dijadikan hujah untuk membolehkan zikir dilakukan secara berjemaah dan secara kuat. Hadis tersebut adalah seperti berikut: **"Bahawasanya mengangkat suara dengan zikir sewaktu orang ramai selesai dari solat fardhu adalah dilakukan pada zaman Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam". Berkata Ibnu Abbas lagi: "Aku mengetahui setelah mereka selesai mengerjakan solat fardhu itu apabila aku mendengar"**. [*Hadis Riwayat Bukhari, Lihat: Fathul Baari, Bab al-Zikr ba'da al-Solat, no:841*]

Hadis ini sebenarnya menerangkan bahawa tidaklah salah jika zikir tersebut dijaharkan (dikuatkan) tetapi hanyalah sekadar untuk mengajar makmum yang tidak mengetahui zikir-zikir setelah solat. Hal ini telah dijelaskan oleh imam asy-Syafie dengan katanya: "Pendapatku untuk imam dan makmum hendaklah mereka mengisrarkan (memperlahankan) zikir kecuali jika imam mahu dipelajari daripadanya, maka ketika itu dijaharkan zikir. Sehinggalah apabila didapati telah dipelajari daripadanya, maka sesudah itu hendaklah ia perlahankan (semula). [*kitab al-Umm, bab kalam al-Imam wa julusihi ba'dassalam, Imam asy-Syafi'ie, Beirut-Dar al-Kutub al-Ilmiah 1993, jilid 1, ms 242*]

Zikir yang dilakukan oleh Nabi sallallahu 'alaihi wasallam adalah secara perlahan dan terkadang dijaharkan dengan tidak ditetapkan cara perlaksanaan ini. Ini sebagaimana dalam hadis daripada Ummu Salamah: **"Adalah Rasulullah apabila telah memberi salam, bangunlah para wanita di kala Nabi selesai memberi salam itu. Sedang nabi duduk sejenak di tempatnya sebelum berdiri. Kami berfikir nabi berbuat demikian untuk memberi kesempatan kepada wanita keluar lebih dahulu agar tidak berdesakan dengan para lelaki."** [*Hadis Riwayat Bukhari, bab Solat an-Nisa' khalf al-Rijal, no: 870*]

Hadis ini menunjukkan nabi tidak menjaharkan zikirnya pada waktu tersebut. Sebaliknya diisrarkan (diperlahankan) sambil menunggu wanita keluar dari tempat solat mereka. Imam Syafie menjelaskan lagi: “jika seseorang berkata: seperti apa? (yakni apakah contoh yang baginda lakukan hanya seketika kemudian setelah orang ramai mempelajarinya, Baginda tinggalkan) Aku katakan: Seperti mana Baginda pernah bersolat di atas mimbar, yang mana Baginda berdiri dan ruku’ di atasnya, kemudian Baginda undur ke belakang untuk sujud di atas tanah.”

Padahal selalunya Rasulullah sallallahu ‘alaihi wasallam bersolat di atas tanah sahaja. Tidak lain dan tidak bukan perbuatan itu adalah untuk mengajar sahaja dan bukanlah suatu bentuk ketetapan dan cara beribadat. Imam Syafie menjelaskan lagi: “Aku suka sekiranya imam berzikir nama Allah di tempat duduknya sedikit dengan kadar yang seketika sehingga kaum wanita pergi. Hal ini seperti yang dikatakan oleh Ummu Salamah. Kemudian Imam boleh bangun. Jika dia bangun sebelum daripada itu, atau duduk lebih lama daripada itu, tidak mengapa. Makmum pula boleh pergi setelah imam selesai memberi salam, sebelum imam bangun. Jika dia lewatkan sehingga imam pergi, atau bersama imam, itu lebih aku sukai untuknya.” [*rujuk kitab al-Umm, ms 243*]

Daripada Jabir bin Yazid ibnu Aswad berkata: **“Daripada ayahnya Radhiallahu ‘anhuma bahawa dia pernah solat bersama Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam dalam solat subuh. Setelah selesai solatnya, maka baginda segera meninggalkan tempat solatnya”.** [*Hadis Riwayat an-Nasai, no: 1307*] Juga diriwayatkan daripada sebuah atsar daripada Abdullah bin Mas’ud Radhiallahu ‘anhu bahawa beliau berkata: **“Jika imam sudah memberi salam, maka berdirilah jika engkau kehendaki”**. Disahihkan oleh Imam Baihaqi dan Ibn Hazm. Manakala dalam riwayat lain, beliau (Ibn Mas’ud) menyebut: **“Oleh kerana itu jika engkau mahu berdiri, berdirilah. Jika engkau mahu duduk, maka duduklah”.** Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Ad-Daruquthni. [*Nailul Authar Sharah Muntaqa al-Akhbar min Ahadis, jilid 2, ms 633-634*]

Adakah berdoa dan zikir secara jemaah setelah solat fardhu itu sunnah?

Nabi berpesan pada kita hendaklah menjauhi perkara yang diada-adakan di dalam agama kerana setiap yang diada-adakan itu adalah bid’ah. Maka dengan itu, hendaklah kita menjauhi perkara yang diada-adakan dan hendaklah kita mengikut sunnah yang telah jelas melalui hadis-hadis yang shahih dari nabi.

Imam an-Nawawi berkata: “Tidaklah ada khilaf tentang kesunnatan adanya zikir sesudah solat, bagi Imam, bagi makmum, dan bagi yang bersolat secara bersendirian. Masing-masing berzikir sendiri-sendiri. Adat yang diadakan manusia, iaitu imam menentukan doa buat solat subuh dan asar, tiada berasal sama sekali. Berjabat tangan sesudah solat subuh dan asar adalah suatu bid’ah”. [*al-Majmu’ syarh al-muhazzab, al-Nawawi, beirut-Dar al-Fikr 2000, jilid 3, ms 452*]

Berkata al-Imam Ibnul Qayyim: “Imam berdoa sesudah salam daripada solat sambil menghadap qiblat, atau menghadap makmum tidak pernah dikerjakan Nabi, yang

senantiasa bertindak sebagai Imam, dan tidak ada pula riwayat yang menyuruh kita mengerjakan yang sedemikian itu.” [*Zadul Ma’ad*, *Ibn Qayyim Al-Jauziah, Beirut-Muassasah Al-Risalah 1998, jilid 1, ms 249*]

وَمَآ ءَاتَىٰكُمُ ٱلرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَىٰكُمْ عَنْهُ فَٱنتَهُوا۟ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٧﴾

Apa yang dibawa oleh Rasul maka ambillah, maka apa yang dilarang olehnya maka tinggalkanlah dan takutlah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya. [*Surah al-Hasyr, ayat 7*]

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wasallam:

من أحدث في أمرنا هذا ما ليس فيه فهو رد

Maksudnya: **“Barangsiapa yang mengada-adakan sesuatu dalam urusan agama kami ini yang bukan dari kami (yakni tiada dalam al-Quran dan Sunnah), maka dia tertolak (tidak diterima)".** [*Hadis riwayat Bukhari (no: 2697) dan Muslim (no: 1718) dengan lafaz yang sedikit berbeza. Hadis ni terdapat juga dalam Hadis al-‘Arba’in an-Nawawi no: 5*] Renungkan sebuah hadis yang panjang di bawah:

Daripada ‘Amr bin Salamah (seorang tabi’i) katanya: “Satu ketika kami duduk di pintu ‘Abd Allah bin Mas‘ud sebelum solat subuh. Apabila dia keluar, kami akan berjalan bersamanya ke masjid. Tiba-tiba datang kepada kami Abu Musa al-Asy‘ari, lalu bertanya: “Apakah Abu ‘Abd al-Rahman (gelaran kepada ‘Abd Allah bin Mas’ud) telah keluar kepada kamu?” Kami jawab: “Tidak!”. Maka dia duduk bersama kami sehingga ‘Abd Allah bin Mas‘ud keluar. Apabila dia keluar, kami semua bangun kepadanya.

Lalu Abu Musa al-Asy‘ari berkata kepadanya: “Wahai Abu ‘Abd al-Rahman, aku telah melihat di masjid tadi satu perkara yang aku tidak bersetuju, tetapi aku tidak lihat alhamdulilah melainkan ianya baik”. Dia bertanya: “Apakah ia?”. Kata Abu Musa: “Jika umur kamu panjang engkau akan melihatnya. Aku melihat satu puak, mereka duduk dalam lingkungan (halaqah) menunggu solat. Bagi setiap lingkungan (halaqah) ada seorang lelaki (ketua kumpulan), sementara di tangan mereka yang lain ada anak-anak batu. <u>Apabila lelaki itu berkata : Takbir</u>

seratus kali, mereka pun bertakbir seratus kali. Apabila dia berkata: Tahlil seratus kali, mereka pun bertahlil seratus kali. Apabila dia berkata: Tasbih seratus kali, mereka pun bertasbih seratus kali.” Tanya ‘Abd Allah bin Mas‘ud: “Apa yang telah kau katakan kepada mereka?”. Jawabnya: “Aku tidak kata kepada mereka apa-apa kerana menanti pandangan dan perintahmu”.

Berkata ‘Abd Allah bin Mas‘ud: “Mengapa engkau tidak menyuruh mereka mengira dosa mereka dan engkau jaminkan bahawa pahala mereka tidak akan hilang sedikit pun”. Lalu dia berjalan, kami pun berjalan bersamanya. Sehinggalah dia tiba kepada salah satu daripada lingkungan berkenaan. Dia berdiri lantas berkata: “Apa yang aku lihat kamu sedang lakukan ini?” Jawab mereka: “Wahai Abu ‘Abd al-Rahman! Batu yang dengannya kami menghitung takbir, tahlil dan tasbih”. Jawabnya: “Hitunglah dosa-dosa kamu, aku jamin pahala-pahala kamu tidak hilang sedikit pun. Celaka kamu wahai umat Muhammad! Alangkah cepat kemusnahan kamu. Para sahabat Nabi masih lagi ramai, baju baginda belum lagi buruk dan bekas makanan dan minuman baginda pun belum lagi pecah. Demi yang jiwaku berada di tangan-Nya, apakah kamu berada di atas agama yang lebih mendapat petunjuk daripada agama Muhammad, atau sebenarnya kamu semua pembuka pintu kesesatan?”

Jawab mereka : “Demi Allah wahai Abu ‘Abd al-Rahman, kami hanya bertujuan baik.” Jawabnya : “Betapa ramai yang bertujuan baik, tetapi tidak menepatinya.” Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam telah menceritakan kepada kami satu kaum yang membaca al-Quran namun tidak lebih dari kerongkong mereka (ini merupakan salah satu sifat khawarij seperti diterangkan dalam hadis-hadis). Demi Allah aku tidak tahu, barangkali kebanyakan mereka dari kalangan kamu.” Kemudian beliau pergi.

“Demi Allah wahai Abu ‘Abd al-Rahman, kami hanya bertujuan baik.” Jawabnya : **“Betapa ramai yang bertujuan baik, tetapi tidak menepatinya.”**

Berkata ‘Amr bin Salamah: “Kami melihat kebanyakan puak tersebut bersama Khawarij memerangi kami pada hari Nahrawan.” [*Hadis riwayat ad-Darimi di dalam Musnadnya dengan sanad yang dinilai sahih oleh al-Albani di dalam Silsilah al-Ahadis as-Sahihah; rujuk program al-Maktabah al-Syamilah al-Ishdar al-Tsanii, Silsilah al-Ahadis as-Sahihah-Mukhtasarah no: 2005, jilid 5, ms 11*]